

## Cerpen

## Mimbar



Jam 1 pagi. Satu suara garau melontarkan salam sebelum wajahnya tersembul di pintu masjid. Wajahnya berseri bak rembulan mengambang. Dia lelaki yang hatinya benar-benar terpaut di masjid. Lelaki seperti yang dikisahkan oleh seorang imam, sebagai antara orang yang mendapat naungan Allah di hari kiamat.

Setiap pagi dia akan datang awal. Alam zulmat bagai disimbah cat hitam dan dihiasi butir-butir permata putih yang bergemerlapan tidak menggugah keyakinan. Kunci hatinya bagaikan hilang disorok kelim. Dirantai di tiang roman yang tegak berdiri di tepi laman masjid. Rantai maya bagai menarik kalbunya agar terus tetap di sana.

Selepas melaksanakan solat sunat tahiyatul masjid, dia langsung bangun untuk hanyut di dalam pelukan kasih sayang Allah dalam ibadat tahajud. Lelaki itu akan mengalunkan kalam-kalam Tuhan dengan kuyuk. Bisa angin malam yang menggigit bagai hamparan selimut yang menyegarkan. Sedikit pun tidak membongkar jemu. Hal ini berterusan sehingga fajar sadiq mengupas pekat malam. Sebaik sahaja masuk waktu, dia akan melungkan azan untuk menjemput seluruh warga desa mendatangi rumah Allah.

Pernah terjadi satu peristiwa, lelaki yang disayangi Allah ini telah rebah sewaktu melaungkan azan Isyak. Ya benar. Dia seorang bilal. Perkara ini berlaku di hadapanku. Aku hanya mampu menempik memanggil jemaah yang sedang bersiaga untuk menghadap Tuhan. Imam mengangkat bilal dan melektakkan di atas ribaannya. Dia dihantar ke hospital.

Cerita imam benar-benar mengocak kolam jiwa yang pegun. Tambah imam, lelaki yang hatinya terpaut kepada masjid itu tiba-tiba tersedar pada tepat jam 1 pagi. Sedangkan pada waktu itu dia berada dalam keadaan koma dan keadaannya sangat menggalaikan hati insan sekeliling.

Sebaik terjaga, lelaki itu memanggil jururawat yang bertugas. Katanya dia perlu ke masjid untuk bersiap melaungkan azan Subuh. Sebaik sahaja lelaki itu mencetuskan rasa ripuh yang berlaga-laga di kalangan misi yang bersiaga, dia kembali ke pembaringan dan memejamkan mata. Aku menangis mendengar kisah bilal yang benar-benar menyentuh hati. Selepas beberapa ketika, bilal yang dicintai Nabi itu kembali sihat. Walaupun tubuhnya nampak letai, tetapi itu sedikit pun tidak mengurangkan rasa cintanya kepada rumah Allah.

Perkara yang sama kembali berulang selepas lima bulan dia pulih. Sekali lagi dia tumbang. Aku tidak terdaya untuk menyambutnya. Jelas perkara ini menambahkan rasa panik seluruh jemaah. Bilal rebah di saat dia ingin mengumandangkan azan solat Asar. Dia dihantar ke rumah sakit.

Selepas beberapa hari, bilal kembali semula masjid. Kali ini dia

tidak bersendirian tetapi ditemani oleh ribuan tetamu. Bukan sekadar jemaah kariah bahkan jauh dari utara membawa ke selatan tanah air. Bilal datang ke masjid bukan untuk melaungkan azan, juga bukan untuk menunaikan solat tetapi dia akan disolatkan oleh para jemaah. Benar. Bilal sudah pergi menemui Penciptanya.

Sebaik sahaja bilal dihantar ke hospital pada hari dia rebah beberapa hari lalu, sekonyong-konyong para jemaah terdengar kalimah zikir yang dilantunkan oleh bilal. Mulutnya langsung tidak terbuka. Kalimah itu sekadar bergaung di dalam dada tetapi artikulasinya mampu didengari oleh jemaah yang berada di dalam kereta.

Setibanya mereka di wad kecemasan di rumah sakit, bilal disambut oleh para perawat hospital yang cekap melaksanakan tugas. Selepas menjalani rawatan, natijahnya bilal menghidap radang jantung dengan keadaan yang melemahkan. Para doktor sedaya upaya membantu untuk menyelamatkannya, tetapi mereka terkejut apabila mendengar kata-kata yang dilafazkan oleh bilal sewaktu dia koma.

"Tak usahlah doktor bersusah payah untuk merawat aku. Aku sudah bersedia untuk menemui Tuhan. Bidadari sedang senyum melambai-lambai menjemputku ke sana." Sebaik sahaja lafaz syahadah diucapkan, akhirnya bilal terse-nyum menemui Tuhannya yang

Maha Penyayang.

Selepas kematian bilal, baharulah seluruh jemaah tahu yang dia dahulu merupakan seorang tuan guru yang hebat. Akhirnya dia memilih berkelana ke tanah adat ini untuk melarikan diri dari dunia yang semakin gila. Sebaik sahaja mengetahui pemergian bilal, seluruh anak muridnya yang bertebaran di pelosok negara hadir memberi penghormatan mereka.

Pemergian bilal benar-benar membawa erti kehilangan buat seluruh warga kariah. Begitu juga diri aku. Malam-malam aku kini keseorangan. Tiada lagi lantunan vokal bilal mengalunkan kalam suci Tuhan. Tidak lagi dapat aku lihat betapa asyiknya bilal memuji Tuhan serta menumpahkan air mata penyesalan atas keterlanjuran dosa yang dilakukan.

Itu cerita beberapa tahun yang lalu. Sebenarnya banyak lagi yang aku ingin kisahkan kepada kalian semua tentang seribu macam perkara yang berlaku di masjid kariah yang kecil ini. 60 tahun bukan satu masa yang singkat. Dari saat masjid ini tiada apa-apa hinggalah seperti yang ada sekarang, aku masih setia menunggu di sini. Aku menyaksikan setiap perkara yang berlaku.

Selepas pemergian Bilal, hal pentadbiran masjid menjadi kacau. Bilal bukanlah seorang kepala pentadbir tetapi dia adalah pendamai. Di saat jawatankuasa masjid bertelagah, Bilallah yang pertama men-

celah, mendamaikan hati-hati yang gundah. Kalam Bilal seperti sihir. Sedikit sahaja kata mampu membatalkan hati yang mendengar mencair.

Selepas Bilal pergi, tiada lagi siapa yang mampu menjadi seperti itu. Yang ada hanyalah mereka yang pandai menuang petrol di dalam api. Puing-puing yang dahulu hanya tinggal bara kini marak kembali. Politik masjid bukan hanya retorik tetapi sumpahan atas jiwa yang penuh nafsu.

Saat getir kembali melanda masjid ini. Ketika seorang ustaz muda yang baru pulang dari Mesir dihantar untuk memimpin jemaah, berlaku ketidakpuasan hati di kalangan golongan lama. Jemaah yang kian rapuh kini semakin cabik. Dua mazhab kini bertembung. Golongan lama masih keras mempertahankan ideologi mereka manakala golongan yang baru kembali cuba mengemalikan sekalian apa yang telah ditinggalkan selama ini.

Pertentangan semakin keras apabila, kumpulan Azhari cuba menghidupkan semula maulud Nabi setelah lama ditinggalkan. Sudah tentu golongan lama yang taasub dengan ritual bentuk lama tidak dapat menerima segala pembaharuan yang pada mereka mampu menggugat iman.

Semasa mesyuarat jawatankuasa masjid kedengaran keras lantunan suara imam lama. Mereka tidak menolak pembaharuan tetapi biarlah pembaharuan yang dibawa tidak

menyentuh isu-isu kepercayaan dan akidah.

Kumpulan Azhari juga kuat mendatangkan dalil yang pelbagai. Tidak cukup dengan dalil naqli dibentangkan juga segala bagai dalil aqli untuk menyerapkan doktrin serta falsafah yang mereka anuti selama ini.

Keras makin keras. Aku yang berada di luar hanya mampu bertahan. Tidak sanggup rasanya untuk terus mendengar perbalahan yang mampu mendorong ke arah perpecahan. Akhirnya sepakat telah dimeterai. Maulud Nabi akan tetap dijalankan. Rasa sebal golongan lama yang disimpan di dalam kotak hati akhirnya menjadi bebelon rapuh yang pada akhirnya meletus menghambur amarah tidak bertepi.

Imam lama keluar meninggalkan dewan mesyuarat. Pintu dihempas kuat membawa amarah yang tidak terbendung. Turut mengekori imam lama beberapa jawatankuasa yang telah melengkapkan baiah sebagai pengikut yang setia.

Untuk melengkapkan hujah golongan Azhari, mereka mendatangkan Sahibus Samahah Tuan Mufti ke majlis Maulud yang julung-julung kali dirai. Promosi demi promosi dijalankan. Tidak cukup dengan jempitan melalui ceramah, sebaran informasi juga dilakukan dari rumah ke rumah. Semuanya untuk menuang keyakinan di dalam kolam hati masyarakat desa.

Saat tibanya hari yang dirai, golongan lama langsung tidak kelihatan. Amarah mereka masih meriap dan merisak. Sehingga Maghrib tiba masih belum ramai penduduk yang hadir. Semua ini mencetuskan rasa risau yang memercik di kalangan kumpulan Azhari. Sebaik sahaja majlis bakal dimulakan, berbondong-bondonglah seluruh penduduk hadir dengan rasa yang sepakat. Jelas terlukis kepuasan di wajah imam muda. Hal itu langsung tidak terlepas daripada pengamatan aku.

Selesai bab sambutan Maulud. Hubungan tegang antara pengikut Azhari dengan pengikut imam lama tidak putus setakat itu. Di dalam mesyuarat jawatankuasa yang sekian kalinya, imam muda menyatakan mereka telah menerima peruntukan daripada Majlis Agama Islam Negeri yang disalurkan melalui Pejabat Agama Islam Daerah untuk membaiki bangunan stor besar di tepi masjid. Tempat itu akan dijadikan sebagai rumah persinggahan demi memakmurkan ekonomi masjid.

Jelas, pendapat itu ditolak mentah-mentah oleh imam lama. Katanya, kawasan masjid bukanlah tempat untuk menjana ekonomi tetapi masjid merupakan satu tempat untuk mengembalikan semula sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat. Hujah itu dipatahkan oleh pengikut Azhari. Kata mereka, semasa zaman Nabi, masjid juga menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi. Selain itu masjid, turut menjadi asrama untuk para penuntut ilmu.

Akhirnya imam lama bersetuju apabila kontrak membaiki bangunan stor itu diserahkan kepadanya. Laingsung hilang segala hujah yang melarang apabila kehendak dan

nafsunya dipenuhi. Aku sekadar memerhati air mukanya yang menterjemahkan keinginan hati dari kejauhan. Merakam setiap kejadian dengan cermat.

Saban hari aku memerhati imam lama bertungkus-lumus menyiapkan bangunan stor untuk dijadikan rumah persinggahan. Walaupun begitu masih kedengaran dari mulut jemaah mengatakan yang ubah suai bangunan itu tidak mengikut spesifikasi yang dipersejujui. Kerana tidak mahu memanjatkan cerita, semua jawatankuasa masjid hanya menutup sebelah mata.

Setelah siap, bangunan stor lama yang telah diubah suai sedia untuk diduduki. Walaupun langsung tidak mengikut pelan asal, jawatankuasa masjid hanya diam seribu kata. Tidak terdaya untuk mengungkit cerita kerana isu itu boleh mengundang amarah yang sudah sedia retak.

Selepas seminggu, seluruh jemaah digemparkan dengan musibah kebakaran yang menimpa imam lama. Cerita mereka panas di masjid dan sekali lagi aku sekadar menjadi pemerhati. Tidak mampu untuk aku mencelah bersuara. Seluruh jawatankuasa mengadakan sidang tergempar yang dipengerusikan oleh imam lulusan al-Azhar dan mereka bersepakat untuk memberi kebenaran kepada imam lama untuk mendiami rumah persinggahan kepadanya, seperti *ibrah* kata-kata imam lama - masjid tempat untuk mengembalikan manfaat kepada masyarakat.

Besar hati imam lama apabila menjadi orang pertama yang merasmikan rumah persinggahan yang baru siap dibaik pulih. Masalah tidak berhenti setakat itu sahaja. Apabila hujan, rumah persinggahan yang baru dua minggu siap dibaik tiris dimasuki air. Malah sistem paip juga tersumbat sehingga memberi kesusahan kepada imam lama yang tumpang menghuini.

Jawatankuasa masjid tidak lagi mampu untuk berdiam diri. Sumbangan besar yang diberi oleh Majlis Agama Islam Negeri telah habis dilabur tetapi hasil yang diterima semuanya lebur. Imam lama perlu bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini. Jelaslah apabila dana yang diberi disalah guna, pembaikan tidak mengikut spesifikasi serta kualiti bahan dikurangkan semata-mata untuk mengaut keuntungan berlipat ganda, hasil yang diperolehi nyata boleh dipertikaikan.

Perkara ini membuatkan imam lama tersentak. Ternyata ia memberi kesan kepada sikap dan psikologi. Satu persatu ujian yang tiba membuatkan dia tidak kuat. Semua ditaklif di atas pundaknya atas kebobrokan egoisme sendiri.

Bermulalah episod baru dalam kehidupan imam lama. Setiap malam dia akan kembali kepada fitrah, menemui Tuhannya. Mengongoi tanpa malu, berbicara bahasa Tuhan hingga esaknya semakin kencang meratap atas segala sikap buruk yang telah

dilakukan. Tambahan saat tibanya imam dari al-Azhar yang dilantik oleh Pejabat Agama Islam Daerah. Dia berasa dirinya terlalu agung untuk meladeni kehadiran insan baru di masjid ini.

20 tahun menjadi imam utama. Di manakah patut diletakkan maruah apabila tiba-tiba imam Azhari hadir mengetuk kamar hidupnya. Pasti sedikit sebanyak tercalar kredibiliti, saat ketika dahulu dia diagungkan, apa sahaja majlis dialah yang utama tetapi kini dia terpinggir dan diperlukan hanya sebagai yang kedua. Akhirnya zaman emas sang imam semakin jauh meninggalkannya.

Aku menjadi saksi bagaimana seorang insan boleh berubah sekelip mata hanya kerana ujian yang melanda. Ustaz yang menyampaikan tazkirah di masjid pernah berkata, kekayaan adalah ujian dan kemelaratan juga ujian. Terpulang bagaimana untuk kita memanipulasi ujian tersebut sama ada sebagai jambatan untuk kita mendekati diri kepada Allah atau sebagai denai untuk kita semakin jauh kepada Tuhan. Ujian ini benar-benar menjadi lonjakan untuk imam lama berubah. Aku menjadi saksi.

\*\*\*\*

"Imam. Nampaknya mimbar ini sudah ada bahagian yang patah." Bilal Iruan mengetuk bahagian yang sobek. Matanya menyapu segenap batang mimbar yang berusia lebih 60 tahun itu. Nampak kusam.

"Bilal ada cadangankah?" Imam Hasrul melontarkan tanya.

"Kita tukar bar sahajalah." Bilal Iruan mengurut janggut yang panjang hingga ke dada. Pandangannya masih belum dialihkan dari mimbar itu. Imam Hasrul sekadar mengangguk. Otaknya sedang kuat bekerja.

\*\*\*\*\*

Aku masih di sini. Di saat Bilal Iruan mencadangkan agar mimbar ditukar baru, seluruh jawatankuasa menolak cadangan itu. Walaupun ada antara bahagian mimbar yang sudah patah tetapi keadaan bentuk susuk masih tersergam indah. Kerawang hasil ukiran motif Bunga Semangat dilengkapi dengan ukiran kaligrafi jawi dan dihiasi motif Pucuk Rebung di bahagian atas menjadi mimbar tradisional ini satu nilai seni tradisional yang agam.

Lebih 60 tahun aku menumpah bakti di masjid ini, seluruh peristiwa suka dan duka para tetamu Allah terakam jelas. Kematian yang baik, penyatuan dua jiwa yang menghalalkan hubungan, persaudaraan, kekejaman ukhuwah, kebobrokan sikap tamak dan nafsu semuanya dapat aku rungkaikan satu persatu. Walaupun sudah berusia 60 tahun, aku akan terus berbakti sebagai mimbar di masjid ini selagi jasadku kukuh demi menjadi pemangkin ukhuwah Islamiah yang utuh. Ya. Akulah mimbar itu.

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman *Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad* melalui e-mel [bhsastera@bh.com.my](mailto:bhsastera@bh.com.my).

Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,700 perkataan.

## PROFIL



**Abdul Muieez Ruslee** ialah Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Desa, Tanjung Karang. Cenderung kepada genre cerpen, beliau sudah mempunyai dua novel termasuk *Mandala Anak Merdeka*. Beliau sedang menyambung pengajian doktor falsafah (PhD) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).